

Headline	Mesti ada bukti sebelum arah tutup		
MediaTitle	Berita Harian	Color	Full Color
Date	21 Oct 2011	Circulation	192,982
Section	Nasional	Readership	1,521,000
Page No	13	ArticleSize	300 cm ²
Language	Malay	AdValue	RM 13,217
Journalist	N/A	PR Value	RM 39,651
Frequency	Daily		



'Mesti ada bukti sebelum arah tutup'

Kementerian Kesihatan perlu kajian teliti risiko terapi spa ikan

Oleh Sarah Sulaiman,
Badrul Kamal Zakaria
dan Azura Hanim Zorkepli
bhnews@bharian.com.my

KUALA LUMPUR: Kementerian Kesihatan diminta membuat kajian teliti dan menyeluruh berhubung risiko terapi spa ikan yang dikatakan boleh menyebarkan pelbagai penyakit berbahaya, termasuk Hepatitis C, HIV/AIDS dan tibi serta penyakit bawaan air sebelum mengeluarkan arahan premis perniagaan berkenaan ditutup.

Seorang pakar parasitologi, Prof Dr Mohamed Adel Mohamed Abdel Rahim Elkadi, berkata ini kerana kajian oleh Agensi Penjagaan Kesihatan (HPA) United Kingdom yang mendakwa kaedah rawatan alternatif itu boleh menjadi punca penyebaran penyakit berbahaya belum dibuktikan kesahihannya.

Koordinator Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) itu juga berkata virus HIV/AIDS hanya boleh tersebar menerusi jangkitan darah dan bendalir dalam badan saja.

"Saya tidak rasa ikan yang digunakan untuk terapi itu boleh menjadi punca jangkitan AIDS/HIV kerana ikan berkenaan tidak bertindak secara langsung dengan perdaraan. Begitu juga penyakit tibi yang merebak melalui titisan."

"Selain itu, tidak mungkin berlaku pemindahan darah daripada seseorang kepada seseorang yang lain seperti jarum suntikan kerana ikan bukan haiwan penghisap darah," katanya kepada *Berita Harian*, semalam.

Dr. Mohamed Adel berkata, selain itu banyak kaedah boleh digunakan oleh pengusaha rawatan spa ikan di negara ini untuk menjamin ke-

Headline	Mesti ada bukti sebelum arah tutup		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	21 Oct 2011	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	192,982
Page No	13	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	300 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 13,217
Frequency	Daily	PR Value	RM 39,651

selamatan dan kesihatan perkhidmatan itu seperti menggunakan kaedah penseterilan dan penapisan air yang dimasukkan ke dalam kolam ikan.

"Antara kaedah pensterilan popular yang biasa digunakan adalah pensterilan ozon dan sinar ultra lembaung (UV). Kaedah pensterilan adalah cara terbaik membasmi kuman dan bak-

teria yang mungkin ada dalam kolam dan seterusnya melindungi pengguna. Jika semua langkah penjagaan ini diikuti sebaik mungkin, saya fikir ia selamat digunakan dan tiada risiko kesihatan yang akan timbul," katanya.

Semalam, akhbar ini melaporkan Kementerian Kesihatan memberi amaran risiko terapi ikan kerana boleh

menyebarluaskan pelbagai penyakit berbahaya.


Malah, Pakar Dermatologi Hospital An-Nur, Dr Saadiah Sulaiman bersetuju ikan berkenaan boleh menyebarluaskan virus dan seterusnya menyebabkan kemungkinan berlaku jangkitan penyakit kepada pengguna.

Beberapa negeri di Amerika Syarikat (AS) dan Kanada sudah mengharamkan

perkhidmatan itu bagi membendung penularan penyakit berbahaya di kalangan rakyat dan penggemar rawatan alternatif itu.

Sementara itu, Ketua Aktivis Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM), Datuk Nadzim Johan, menasihati pengguna supaya tidak lagi mendapatkan rawatan berkenaan jika dakwaan itu betul dan sahih.

● INTAN NUR ELLIANA ZAKARIA | BERITA HARIAN



SALAH sebuah spa ikan di Bukit Bintang.